

Pelan Sri Serdang bebas banjir

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
berita@kosmo.com.my

SERDANG - Penduduk Sri Serdang di sini yang saban tahun berhadapan dengan masalah banjir mungkin boleh menarik nafas lega.

Ini kerana kerja-kerja naik taraf benteng Sungai Kuyu dan semua longkang utama serta pembinaan rumah pam telah siap dan beroperasi dalam masa terdekat.

Ahli Parlimen Puchong, Lau Yeng Peng berkata, kawasan perumahan, premis perniagaan dan beberapa sekolah di situ sering ditenggelami air disebabkan sistem perparitan yang tidak sempurna.

"Sebelum ini longkang utama tidak dapat menampung air berlebihan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Desa Serdang dan Hulu Langat.

"Kejadian ini disebabkan oleh saiz pembentungan yang kecil dan cetek," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan selepas mengadakan lawatan ke rumah pam baru dan kawasan projek naik taraf yang melibatkan sungai serta longkang di Sri Serdang di sini kelmarin.

Yeng Peng memberitahu, saiz longkang telah diperbesarkan dua kali ganda saiz asal iaitu 2.4 meter lebar dengan kedalaman 2.1 meter.

Beliau turut mencadangkan kepada JPS dan MPSJ agar menaik taraf kolam takungan air di Sri Serdang supaya dapat menampung air dalam kuantiti yang banyak.

Sementara itu, Segaran berkata, rumah pam itu akan mula beroperasi sebaik sahaja menerima bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Bhd. (TNB).

"Rumah pam yang dilengkapi tiga pam ini mampu mengepam sehingga 4,800 liter air setiap saat dan mengawal pengaliran air daripada melimpah secara automatik," jelas Yeng Peng lagi.



YENG PENG (tiga dari kanan) melihat pelan sistem perparitan untuk mengelakkan banjir kilat di Serdang semalam.